

12/09/2003

Dr Mahathir sayang UiTM

Tuan Nazuri Tuan Ismail

NAIB Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Seri Prof Ibrahim Abu Shah berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan harapan tinggi kepada institut itu bagi melahirkan lebih ramai profesional Bumiputera.

Katanya, Perdana Menteri sangat menyayangi UiTM kerana ia satu-satunya harta yang tinggal untuk orang Melayu menebus maruah.

"UiTM berperanan meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam bidang profesional dan korporat. Kerana itu, Perdana Menteri mengambil berat berkenaan UiTM," katanya.

Prof Ibrahim juga berkata, Perdana Menteri pemimpin yang adil kerana menubuhkan universiti khas untuk Bumiputera, di samping tidak melupakan kaum Cina dan India yang dibenarkan menubuhkan universiti masing-masing.

Beliau berkata, pelajar dan kakitangan UiTM amat menghargai jasa dan kepercayaan Dr Mahathir itu dan akan sentiasa berdiri teguh menyokong semua usaha kerajaan.

Pada sidang akhbar, Prof Ibrahim berkata, pemikiran Perdana Menteri yang bijak dan sentiasa berfikiran jauh tidak sia-sia dan UiTM akan mewajibkan semua pelajar mengambil subjek 'Pemikiran Dr Mahathir' yang akan dilaksanakan di semua 14 kampus cawangan tahun depan.

Beliau berkata, sebelum ini hanya pelajar Fakulti Komunikasi dan Fakulti Pentadbiran Awam saja mengambil subjek itu.

Sementara itu, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, Perdana Menteri juga pemimpin berwawasan dan memandang jauh ke depan ketika membuat perancangan.

Sebagai contoh, pembinaan Jambatan Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang yang mulanya mendapat tentangan kini diakui penting kepada negara ini.